



**PERUTUSAN**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN  
IKLIM (NRECC)**

**SEMPENA  
SAMBUTAN HARI RIZAB BIOSFERA ANTARABANGSA  
(*INTERNATIONAL DAY FOR BIOSPHERE RESERVES*)**

**3 NOVEMBER 2023**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Sambutan Hari Rizab Biosfera Antarabangsa (*International Day for Biosphere Reserves*) diadakan secara tahunan pada 3 November untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dunia berkenaan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan rizab biosfera di seluruh dunia. Program *Man and the Biosphere (MAB)* ditubuhkan oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) bertujuan untuk memperbaiki hubungan antara manusia dan alam sekitar serta menekankan kepentingan pembangunan mampan.

Pada masa ini, Malaysia mempunyai 3 tapak rizab biosfera MAB iaitu Rizab Biosfera Tasik Chini, Pahang yang diiktiraf pada 26 Mei 2009, Rizab Biosfera Banjaran Crocker, Sabah pada 12 Jun 2014 dan Rizab Biosfera Bukit Bendera, Pulau Pinang pada 15 September 2021. Setiap

Tapak Rizab Biosfera perlu mengemukakan laporan *periodic review* selepas 10 tahun pengiktirafan untuk penilaian semula oleh Sekretariat UNESCO.

Kementerian sangat berbangga dengan pencapaian Rizab Biosfera Tasik Chini kerana berjaya mengekalkan pengiktirafan setelah menepati kriteria *Statutory Framework of the World Network of Biosphere Reserves* (WNBR) pada 14 Jun 2023. Pengekalan status Rizab Biosfera Tasik Chini adalah sangat signifikan kepada negara dan Kementerian berharap usaha-usaha terus dipergiatkan dalam mengukuhkan pengurusan Rizab Biosfera Tasik Chini. Rizab Biosfera Banjaran Crocker pula akan mengemukakan laporan *periodic review* pada tahun hadapan.

Kementerian akan meneruskan agenda untuk mendapatkan lebih banyak pengiktirafan bagi kawasan berkepentingan biodiversiti di negara ini selaras dengan Sasaran 3, Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030 yang dilancarkan pada 24 Oktober 2023. Bagi tujuan ini, Kementerian mengalu-alukan pencalonan tapak-tapak baharu yang berpotensi daripada Kerajaan Negeri.

Sempena **Hari Rizab Biosfera Antarabangsa** pada hari ini, Kementerian menyeru semua pihak untuk mengukuhkan kerjasama dalam memulihara dan memelihara rizab biosfera demi generasi masa kini dan akan datang.

**Selamat Menyambut Hari Rizab Biosfera Antarabangsa 2023.**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**  
**3 NOVEMBER 2023**